

17 JUN 2001

Mahathir-ekonomi

PERTUMBUHAN 7 PERATUS BAGI M'SIA JADI NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Malaysia perlu tumbuh pada kadar 7 peratus setahun untuk mencapai wawasannya menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata ekonomi Malaysia tumbuh pada kadar 8.5 peratus tahun lepas, peratusan yang beliau sifatkan sebagai "sangat tinggi".

"Kami percaya kami akan mampu mengekalkan pertumbuhan ini pada tahun ini tetapi malangnya terdapat kegawatan ekonomi yang teruk di Amerika Syarikat. Oleh kerana US adalah rakan perdagangan yang besar bagi Malaysia, ia pastinya akan menjejaskan pertumbuhan kami," katanya dalam satu temubual eksklusif semasa lawatannya ke Dubai pada April, yang diterbitkan dalam isu terbaru Weekend, majalah yang berpejabat di Teluk.

Dr Mahathir berkata Malaysia mengunjurkan pertumbuhan sekitar lima atau enam peratus pada tahun ini "tetapi kami fikir akan berjaya berbuat demikian pada tahun-tahun akan datang".

"Ekonomi kami kini terasing daripada penyangak mata wang dan lain-lain yang berhasrat untuk mengganggu ekenomi negara-negara membangun," katanya

Ramai yang berkata Malaysia tidak akan dapat mencapai ini tetapi "kami buktikan mereka salah," kata Perdana Menteri.

"Saya fikir kami akan meneruskan pertumbuhan kami ini. Kami akan menangani kebanyakan halangan itu. Kami telah menetapkan mekanisme yang perlu, malah jika saya sudah tiada, mereka akan meneruskannya," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa media antarabangsa mencemarkan imej Malaysia dengan menyiarkan pandangan yang telah diputarbelit mengenai keadaan politik dan ekonomi negara.

"Saya minta maaf, hampir semua negara Arab mengulangi laporan yang datang dari media barat. Apa yang ingin saya katakan ialah datang ke Malaysia dan lihatlah buktinya," katanya.

Menjawab beberapa soalan mengenai pendiriannya mengenai isu-isu tertentu dan antaranya ialah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dilihat sebagai radikal dan kontroversi, Dr Mahathir menjawab:

"IMF silap. Mereka fikir bahawa setiap masalah hanya mempunyai satu penyelesaian...penyelesaian mereka, yang kononnya boleh baiki semuanya. Tetapi realitinya adalah berbeza. Kami telah cuba memberitahu mereka bahawa Malaysia tidak sama dengan Indonesia.

"Indonesia dan Thailand pinjam wang dari negara-negara lain dan apabila mata wang mereka turun, mereka tidak mampu membayar hutang mereka. Walaupun mata wang kami diturunkan nilainya, ia tidak menjejaskan ekonomi kami dengan teruk kerana kami tidak meminjam."

"Jadi anda lihat, anda perlu sesuaikan penyelesaian anda dengan masalahnya, bukan sesuaikan masalah dengan penyelesaian anda."

Dr Mahathir berkata bahawa beliau mempunyai tanggungjawab terhadap negara dan apa yang orang lain fikir tidak penting sama sekali. "Saya terpaksa mengambil risiko."

Kepada satu soalan mengenai apakah yang akan beliau lakukan pada masa depan, Dr Mahathir menjawab: "Saya ada tugas untuk dilakukan. Saya perlu pastikan pengganti saya akan berjaya."

-- BERNAMA

DC ZS RHM MAI